

**PENGESANAN ARAS KECERDASAN PELBAGAI YANG TELAH DIKUASAI OLEH
PELAJAR TINGKATAN ENAM DALAM PEMBELAJARAN KOPERATIF.
SATU KAJIAN KES**

*Lue, L; Dr. Zaidatun Tasir; Profesor Dr. Baharuddin Aris
Fakulti Pendidikan,
UTM Skudai, Johor*

Abstrak

Satu penilaian kuantitatif dijalankan untuk mengesan aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden dalam pembelajaran pendekatan koperatif dalam aktiviti praktikal Biologi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia(STPM). Responden kajian adalah terdiri daripada 27 orang pelajar yang mengikuti subjek Biologi STPM. Hasil dapatan menunjukkan min keseluruhan dan kecenderungan bagi aras kecerdasan pelbagai yang paling tinggi sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara aktif yang telah dikuasai oleh responden adalah kecerdasan logik-matematik dan perubahan kecenderungan kecerdasan pelbagai yang paling ketara adalah kecerdasan verbal-lingustik. Min keseluruhan bagi ketujuh-tujuh kecerdasan pelbagai selepas mengikuti pembelajaran secara aktif yang telah dikuasai oleh responden adalah dalam lingkungan skel 2.5 hingga 3.0. Langkah-langkah akan disusulkan untuk mengaitkan kecerdasan pelbagai dengan kemahiran generik bersama pengetahuan subjek yang spesifik dalam konteks pembelajaran pendekatan koperatif.

1.0 Pengenalan

Ters kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) bermatlamat memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetesi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri dalam kalangan pelajar. Antara strategi yang telah dirancangkan adalah meningkatkan keupayaan dan minat pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membentuk keterampilan dan keperibadian pelajar.

3.0 Latar Belakang Masalah

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berdasarkan pegangan teguh dan kpercayaan kepada Tuhan. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam empat domain utama, iaitu kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif (emosi) dan sosial. Menurut Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2007), sistem pendidikan yang sedia diamalkan hanya boleh dianggap berjaya dalam memberikan kemahiran kognitif dan sebahagian besar

kemahiran psikomotor. Justeru, kemahiran generik domain afektif dan sosial yang sangat perlu bagi pembentukan insan yang seimbang amat jauh ketinggalan. Akibatnya, produk sistem pendidikan kini ataupun modal insan yang dibentuk tidak seimbang seperti yang dihasratkan.

Menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) pula, strategi, pendekatan dan kaedah penyampaian dan penilaian pengajaran dan pembelajaran tidak diberi perhatian yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan semasa. Justeru itu, fokus utama dalam PPIP adalah melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan bagi meningkatkan keupayaan dan minat pelajar menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, membentuk ketetrapilan dan keperibadian.

Penekanan boleh dibuat dalam membangunkan kemahiran generik berdasarkan teori kecerdasan pelbagai. Motah (2008), kecerdasan pelbagai antara faktor yang boleh mempengaruhi penyediaan dan persembahan pelajar dalam tugas mereka. Perkaitan antara kecerdasan pelbagai dan penggunaan kemahiran generik memerlukan kajian lanjutan. Perhatian dan pemfokusan kajian terhadap kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran Sains di peringkat pendidikan tinggi masih kurang (Berkemier, 2002).

Memandangkan keperluan untuk melakukan pengesanan aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai responden dalam pembelajaran aktif, satu penilaian kuantitatif melalui satu kajian rintis dilaksanakan bagi mengumpul data. Aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran aktif dianalisiskan berdasarkan min sebelum dan min selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif.

3.0 Objektif Kajian

Melalui kajian rintis ini, penkaji dapat mengesan aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh pelajar tingkatan enam sebelum dan selepas dalam pembelajaran secara koperatif.

4.0 Persoalan Kajian

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji (i) apakah aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh pelajar tingkatan enam sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif? (ii) apakah aras kecerdasan pelbagai oleh pelajar tingkatan enam selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif? (iii) apakah kecenderungan kecerdasan pelbagai oleh pelajar tingkatan enam sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran koperatif?

4.0 Sorotan Kajian

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan pelbagai sebagai keupayaan menyelesaikan masalah dalam sesuatu keadaan. Mengikut Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner terdapat tujuh jenis kecerdasan. Kecerdasan pelbagai dirujuk sebagai kebolehan yang dimiliki oleh seseorang dan setiap individu mempunyai kesemua

kecerdasan yang berikut pada tahap yang berbeza. Kecerdasan yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) kecerdasan Ruang-Visual
- (ii) kecerdasan Verbal-Lingustik
- (iii) kecerdasan Kinestetik
- (iv) kecerdasan Logik-Matematik
- (v) kecerdasan Muzik
- (vi) kecerdasan Intrapersonal
- (vii) kecerdasan Interpersonal

Pembelajaran koperatif merupakan salah satu komponen kurikulum yang dititikberatkan kerana ia merupakan strategi pembelajaran yang dapat merangsang pemikiran pelajar, menggalakkan penglibatan pelajar, mengambil kira pelbagai kecerdasan individu dalam mata pelajaran Biologi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Pembelajaran koperatif adalah berkesan memperkembangkan kecerdasan pelbagai (Hsu, 2004, Spencer 1998). Konsep ini adalah berkesan tidak hanya untuk pemupukan kelakuan personaliti pelajar tetapi juga kelakuan mereka dalam pembelajaran dan pengajaran. Aspek ini penting untuk memperkembangkan dan memastikan kejayaan pelajar. Teknik pembelajaran koperatif telah banyak digunakan dalam kelas rendah seperti dalam subjek matematik dan sains dan telah menamparkan kejayaan berbandingan pembelajaran bersaing dan individu. Ini disebabkan pembelajaran adalah dinikamati dan dapat dikenalkan. Ini adalah holistik juga di mana pelajar diajar dengan pelbagai kecerdasan di mana dapat memperkembangkan pengalaman belajar. Sikap positif terhadap belajar, bersosial dan menjadi pelajar kritikal yang dinamik.

Mengintegrasikan kecerdasan pelbagai dalam pembelajaran Biologi diharapkan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran Biologi. Apabila individu diberikan peluang untuk belajar melalui kekuatan kecerdasan mereka, perubahan kognitif, emosi, sosial dan fizikal yang positif akan muncul. Teknik pembelajaran secara koperatif merupakan strategi pengajaran yang memberikan kesan dalam pembelajaran dalam kumpulan. Setiap pelajar adalah dipertanggungjawabkan dalam satu kumpulan. Keutamaan aktiviti yang diberikan adalah memberikan ahli kumpulan berinteraksi, berkoordinasi dan belajar melaluinya.

6.0 Metodologi

Responden dalam kajian terdiri daripada 27 orang pelajar telah mengikuti subjek Biologi STPM tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Anthony, Sarikei, Sarawak, Malaysia. Responden adalah terdiri daripada 9 orang lelaki dan 18 orang perempuan. Responden telah diagihkan mengikut kumpulan mengikut pelbagai kebolehan. Kumpulan pelbagai kebolehan ini memupuk semangat bekerjasama, bertimbang rasa, bertanggungjawab dan toleransi dan seterusnya membolehkan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran secara projek untuk Aktiviti Praktikal 18, 19 dan 20.

Satu set soal selidik mengandungi soalan-soalan (Lampiran 1) yang berkaitan dengan kajian ditadbir bagi mengenalpasti aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

dalam Aktiviti Praktikal 18, 19 dan 20. Bahagian A soal selidik adalah berkaitan dengan data demografik responden iaitu jantina, bangsa, pencapaian dan masa pertama kali mendengar tentang istilah Kecerdasan Pelbagai. Bahagian B soal selidik adalah berkaitan dengan pilihan responden tentang aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden sebelum/selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif. Dalam soal selidik bahagian B, skala Likert digunakan untuk memperolehi data berbentuk ordinal. Skala likert lima peringkat seperti berikut digunakan:

1. Amat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Setuju
4. Amat Setuju

Jenis konstruk item-item soal selidik yang akan diberikan kepada responden ditunjukkan dalam Jadual 1

Jadual 1 Jenis konstruk item soalan yang akan diberikan kepada responden

| | |
|------------|---|
| Bahagian A | <ul style="list-style-type: none"> - Nama - Kelas - Jantina - Bangsa - Pengetahuan Tentang Kecerdasan Pelbagai |
| Bahagian B | <ul style="list-style-type: none"> - 70 item yang melibatkan 7 jenis kecerdasan pelbagai |

Jadual 2 Sumber rujukan instrumen dalam soal selidik Bahagian B

| Bahagian B | Sumber Rujukan |
|------------|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> - Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) - Zaidatun Tasir (2002) - Chislett & Chapman (2006) |

6.1 Analisis aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Aras kecerdasan pelbagai yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran aktif dianalisiskan berdasarkan min sebelum dan min selepas mengikuti pembelajaran aktif.

6.2 Analisis kecenderungan jenis kecerdasan pelbagai pelajar sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Skor kecerdasan setiap pelajar akan dikira berdasarkan cara pengiraan yang dicadangkan oleh Chislett & Chapman (2006). Bagi setiap item dalam bahagian B

menempatkan 4 skor bagi respon pilihan ‘Amat Setuju’, 3 skor bagi respon pilihan ‘Setuju’, 2 skor bagi respon pilihan ‘Tidak Setuju’ dan 1 skor bagi respon pilihan ‘Amat Tidak Setuju’. Jumlahkan setiap skor bagi setiap kecerdasan pelbagai.

Jadual 3 Analisis perolehan peratus skor kecerdasan pelbagai setiap pelajar

| Kecerdasan pelbagai | Item | Jumlah Skor | Bahagi | Peratus Skor |
|---------------------|--|-------------|--------|--------------|
| Ruang-Visual | 21, 24, 26, 37, 44, 48, 59, 61, 67, 68 | 40 | X100 | |
| Verbal-Lingustik | 6, 8, 9, 14, 23, 31, 33, 50, 52, 60 | 40 | X100 | |
| Kinestetik | 3, 7, 15, 22, 34, 38, 42, 45, 47, 53 | 40 | X100 | |
| Logik-Matematik | 5, 10, 11, 17, 20, 29, 32, 40, 49, 54 | 40 | X100 | |
| Muzik | 2, 4, 13, 18, 25, 30, 39, 51, 64, 66 | 40 | X100 | |
| Intrapersonal | 1, 16, 20, 32, 35, 41, 55, 56, 57, 69 | 40 | X100 | |
| Interpersonal | 19, 27, 36, 43, 46, 58, 62, 63, 65, 70 | 40 | X100 | |

Kemudianya kaedah statistik deskriptif peratus berdasarkan jumlah skor yang ditunjukkan dalam Jadual 1.4 bagi pelajar Tingkatan Enam yang diperolehi.

Jadual 4 Jadual analisis peratus kecerdasan pelbagai

| Peratus Skor (%) | Kecerdasan | | | | | | |
|------------------|------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 0-25 | | | | | | | |
| 26-50 | | | | | | | |
| 51-75 | | | | | | | |
| 76-100 | | | | | | | |
| N | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |
| | % | % | % | % | % | % | % |

N=27 orang pelajar

1 = Kecerdasan Ruang-Visual, 2 = Kecerdasan Verbal-Lingustik, 3 = Kecerdasan Kinestetik, 4 = Kecerdasan Logik-Matematik, 5 = Kecerdasan Muzik, 6 = Kecerdasan Intrapersonal, 7 = Kecerdasan Interpersonal

Pembahagian skor di dalam Jadual 1.4 dikelaskan berdasarkan pengubahsuaian ke atas pengelasan yang telah dijalankan di dalam kajian-kajian berkaitan yang sebelum ini (Zaidatun Tasir, 2002, Chislett & Chapman, 2006). Pemeringkatan skor 0%-25% adalah dalam peringkat lemah, pemeringkatan skor 26%-50% adalah dalam peringkat sederhana, pemeringkatan skor 51%-75% adalah dalam peringkat memuaskan dan pemeringkatan skor 76%-100% adalah dalam peringkat cemerlang.

Data kuantitatif ini akan dianalisis dan kecenderungan jenis kecerdasan pelbagai yang dimiliki oleh pelajar diperolehi berdasarkan peratus

7.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Terdapat 4 soalan di dalam soal selidik yang berkaitan dengan data demografik responden iaitu kelas, jantina, bangsa dan pengetahuan tentang teori kecerdasan pelbagai. Seramai 22 orang responden dari kelas 6BS2 dan 5 orang responden dari kelas 6BS3 yang menjawab soal selidik yang diberikan. Seramai 9 orang responden lelaki dan 18 orang responden perempuan yang menjawab soal selidik yang diberikan. Kesemua responden adalah berbangsa Cina. Tiada responden yang berbangsa Melayu dan India. Tiada responden yang tahu tentang teori kecerdasan pelbagai iaitu kesemuanya 27 orang responden tidak tahu tentang teori kecerdasan pelbagai.

7.1 Analisis aras Kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Data mengenai aras kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara aktif ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6.

Jadual 5 Analisis aras Kecerdasan Ruang-Visual sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Pernyataan | Sebelum | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 21 | Saya mendapati carta adalah senang difahami. | 7.4 | 22.2 | 29.6 | 40.7 | 3.0 | |
| 24 | Saya mudah mengingat arah dan tempat. | 7.4 | 33.3 | 44.4 | 25.9 | 2.9 | |
| 26 | Apabila saya akan melakar semasa menumpukan perhatian. | 37.0 | 29.6 | 14.8 | 18.5 | 2.1 | |
| 37 | Rumah saya dipenuhi gambar foto. | 25.9 | 25.9 | 25.9 | 22.2 | 2.4 | |
| 44 | Saya boleh membayangkan sesuatu dari perspektif yang berlainan. | 11.1 | 37.0 | 29.6 | 22.2 | 2.6 | |
| 48 | Saya dapat membayangkan imej dengan jelas apabila menutup mata. | 7.4 | 59.3 | 22.2 | 11.1 | 2.4 | |
| 59 | Saya suka matapelajaran Pendidikan Seni. | 29.6 | 25.9 | 33.3 | 11.1 | 2.3 | |
| 61 | Saya dapat membaca peta dengan mudah. | 29.6 | 29.6 | 37.0 | 3.7 | 2.1 | |
| 67 | Saya tidak akan sesat walaupun berada di tempat baru. | 14.8 | 44.4 | 29.6 | 11.1 | 2.4 | |
| 68 | Saya suka menggunakan gambaran semasa belajar. | 0.0 | 7.4 | 29.6 | 63.0 | 3.6 | |

Berdasarkan Jadual 2, didapati taburan min bagi kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.1 hingga 3.6. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi

setiap item berada antara julat 0.0% hingga 37.0%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 3.7% hingga 63.0%. Min keseluruhan bagi kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.58

Jadual 6 Analisis aras Kecerdasan Ruang-Visual selepas mengikuti pembelajaran secara aktif

| Item | Pernyataan | Selepas | | | | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|
| | | Peratusan | | | | Min |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | |
| 21 | Saya mendapati carta adalah senang difahami. | 3.7 | 14.8 | 55.6 | 25.9 | 3.0 |
| 24 | Saya mudah mengingat arah dan tempat. | 7.4 | 25.9 | 37.0 | 29.6 | 2.9 |
| 26 | Apabila saya akan melakar semasa menumpukan perhatian. | 7.4 | 44.4 | 40.7 | 7.4 | 2.5 |
| 37 | Rumah saya dipenuhi gambar foto. | 18.5 | 33.3 | 40.7 | 7.4 | 2.4 |
| 44 | Saya boleh membayangkan sesuatu dari perspektif yang berlainan. | 3.7 | 33.3 | 44.4 | 18.5 | 2.8 |
| 48 | Saya dapat membayangkan imej dengan jelas apabila menutup mata. | 3.7 | 40.7 | 37.0 | 18.5 | 2.7 |
| 59 | Saya suka matapelajaran Pendidikan Seni. | 33.3 | 37.0 | 29.0 | 0.0 | 2.0 |
| 61 | Saya dapat membaca peta dengan mudah. | 14.8 | 40.7 | 37.0 | 7.4 | 2.4 |
| 67 | Saya tidak akan sesat walaupun berada di tempat baru. | 7.4 | 70.4 | 18.5 | 3.7 | 2.2 |
| 68 | Saya suka menggunakan gambaran semasa belajar. | 3.7 | 3.7 | 40.7 | 51.9 | 3.4 |

Berdasarkan Jadual 6, didapati taburan min bagi aras kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.0 hingga 3.4. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada pada 3.7% hingga 33.3%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 51.9%. Min keseluruhan bagi kemahiran kecerdasan Ruang-Visual yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.63.

7.2 Analisis aras Kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Data mengenai aras kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah ditunjukkan dalam Jadual 7 dan Jadual 8.

Jadual 7 Analisis aras Kecerdasan Verbal-Lingustik sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Pernyataan | Sebelum | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 6 | Saya boleh mereka sebuah cerita dengan mudah. | 14.8 | 29.6 | 33.3 | 22.2 | 2.6 | |
| 8 | Semasa perbualan, saya mendengar perkataan yang disebutkan selain memahami maksud perkataan tersebut. | 22.2 | 29.6 | 18.5 | 29.6 | 2.6 | |
| 9 | Saya suka menyelesaikan permainan crosswords. | 14.8 | 25.9 | 18.5 | 40.7 | 2.8 | |
| 14 | Saya seorang pembohong yang menyakinkan. | 29.6 | 40.7 | 14.8 | 14.8 | 2.1 | |
| 23 | Saya dapat mengingat rangkaikata dengan mudah. | 18.5 | 40.7 | 29.6 | 11.1 | 2.3 | |
| 31 | Saya suka matapelajaran Bahasa Inggeris. | 14.8 | 22.2 | 37.0 | 25.9 | 2.7 | |
| 33 | Saya suka perbahasan. | 25.9 | 29.6 | 22.2 | 22.2 | 2.4 | |
| 50 | Saya selalu bercakap dalam otak saya. | 3.7 | 37.0 | 25.9 | 33.3 | 2.9 | |
| 52 | Saya dapat menguasai bahasa asing dengan mudah. | 18.5 | 33.3 | 44.4 | 3.7 | 2.3 | |
| 60 | Saya suka membaca. | 11.1 | 37.0 | 40.7 | 11.1 | 2.5 | |

Berdasarkan Jadual 7, didapati taburan min bagi kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.1 hingga 2.8. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada pada 3.7% hingga 29.6%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 3.7% hingga 40.7%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.52.

Jadual 8 Analisis aras Kecerdasan Verbal-Lingustik selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Pernyataan | Selepas | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 6 | Saya boleh mereka sebuah cerita dengan mudah. | 7.4 | 29.6 | 44.4 | 18.5 | 2.7 | |
| 8 | Semasa perbualan, saya mendengar perkataan yang disebutkan selain memahami maksud perkataan tersebut. | 18.5 | 25.9 | 44.4 | 11.1 | 2.5 | |
| 9 | Saya suka menyelesaikan permainan crosswords. | 3.7 | 33.3 | 25.9 | 37.0 | 3.0 | |
| 14 | Saya seorang pembohong yang menyakinkan. | 18.5 | 40.7 | 29.6 | 11.1 | 2.3 | |
| 23 | Saya dapat mengingat rangkaikata dengan mudah. | 7.4 | 51.9 | 29.6 | 11.1 | 2.4 | |
| 31 | Saya suka matapelajaran Bahasa Inggeris. | 11.1 | 37.0 | 40.7 | 11.1 | 2.5 | |
| 33 | Saya suka perbahasan. | 11.1 | 22.2 | 44.4 | 22.2 | 2.8 | |
| 50 | Saya selalu bercakap dalam otak saya. | 7.4 | 11.1 | 33.3 | 48.1 | 3.2 | |
| 52 | Saya dapat menguasai bahasa asing dengan mudah. | 0.0 | 59.3 | 25.9 | 14.8 | 2.6 | |
| 60 | Saya suka membaca. | 0.0 | 11.1 | 51.9 | 37.0 | 3.3 | |

Berdasarkan Jadual 8, didapati taburan min bagi aras kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.3 hingga 3.3. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada pada 0% hingga 18.5%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 11.1% hingga 48.1%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan Verbal-Lingustik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara aktif adalah 2.72.

7.3 Analisis aras Kecerdasan Kinestetik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Data mengenai aras kecerdasan Kinestetik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran koperatif adalah ditunjukkan dalam Jadual 9 dan 10.

Jadual 9 Analisis aras kecerdasan kinestetik sebelum mengikuti pembelajaran secara aktif

| Item | Pernyataan | Sebelum | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 3 | Saya menyelesaikan sesuatu masalah apabila melakukan aktiviti fizikal. | 7.4 | 22.2 | 37.0 | 33.3 | 3.0 | |
| 7 | Fizikal saya adalah diuruskan dengan baik. | 3.7 | 37.0 | 44.4 | 14.8 | 2.7 | |
| 15 | Saya suka bersukan. | 44.4 | 7.4 | 25.9 | 22.2 | 2.3 | |
| 22 | Saya boleh memanah sasaran dengan tepat. | 37.0 | 44.4 | 11.1 | 7.4 | 2.3 | |
| 34 | Saya suka sukan yang lasak. | 33.3 | 18.5 | 22.2 | 25.9 | 1.9 | |
| 38 | Saya adalah baik dalam membuat kerja tangan. | 25.9 | 44.4 | 22.2 | 7.4 | 2.4 | |
| 42 | Saya seorang yang menyentuh. | 3.7 | 37.0 | 40.7 | 18.5 | 2.1 | |
| 45 | Saya tidak akan menggunakan buku panduan semasa memasang perabot. | 22.2 | 33.3 | 18.5 | 25.9 | 2.7 | |
| 47 | Saya perlu mencuba terlebih dahulu untuk mempelajari sesuatu yang baru. | 0.0 | 3.7 | 48.1 | 48.1 | 2.5 | |
| 53 | Saya berasa permainan bola adalah menyeronokan. | 25.9 | 25.9 | 29.6 | 18.5 | 3.4 | |

Berdasarkan Jadual 9, didapati taburan min bagi aras kecerdasan kinestetik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 1.9 hingga 3.4. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 44.4%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 7.4% hingga 48.1%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan kinestetik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.53.

Jadual 10 Analisis aras Kecerdasan Kinestetik selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Pernyataan | Selepas | | | | Min | |
|------|--|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 3 | Saya menyelesaikan sesuatu masalah apabila melakukan aktiviti fizikal. | 7.4 | 22.2 | 44.4 | 25.9 | 3.0 | |
| 7 | Fizikal saya adalah diuruskan dengan baik. | 3.7 | 29.6 | 55.6 | 11.1 | 2.7 | |
| 15 | Saya suka bersukan. | 18.5 | 18.5 | 51.9 | 11.1 | 2.3 | |
| 22 | Saya boleh memanah sasaran dengan tepat. | 25.9 | 51.9 | 22.2 | 0.0 | 1.9 | |

| | | | | | | |
|----|---|------|------|------|------|-----|
| 34 | Saya suka sukan yang lasak. | 18.5 | 22.2 | 51.9 | 7.4 | 2.4 |
| 38 | Saya adalah baik dalam membuat kerja tangan. | 3.7 | 37.0 | 40.7 | 18.5 | 2.1 |
| 42 | Saya seorang yang menyentuh. | 7.4 | 40.7 | 44.4 | 7.4 | 2.7 |
| 45 | Saya tidak akan menggunakan buku panduan semasa memasang perabot. | 22.2 | 63.3 | 11.1 | 3.7 | 2.5 |
| 47 | Saya perlu mencuba terlebih dahulu untuk mempelajari sesuatu yang baru. | 0.0 | 7.4 | 29.6 | 63.0 | 2.5 |
| 53 | Saya berasa permainan bola adalah menyeronokan. | 7.4 | 25.9 | 37.0 | 29.6 | 3.4 |

Berdasarkan Jadual 10, didapati taburan min bagi aras kecerdasan kinestetik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 1.9 hingga 3.4. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada pada 0% hingga 25.9%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 63.0%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan kinestetik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.55.

7.4 Analisis aras Kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Data mengenai aras kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran koperatif adalah ditunjukkan dalam Jadual 11 dan Jadual 12.

Jadual 12 Analisis aras Kecerdasan Logik-Matematik sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Kecerdasan Logik-Matematik Pernyataan | Sebelum Peratusan | | | | Min |
|------|--|----------------------|------|------|------|-----|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | |
| 5 | Saya menguruskan kewangan dengan mudah. | 14.8 | 14.8 | 44.4 | 25.9 | 2.8 |
| 10 | Saya suka perkara yang jelas. | 0.0 | 7.4 | 22.2 | 70.4 | 3.6 |
| 11 | Saya suka permainan teka-teki yang logik. | 29.6 | 18.5 | 25.9 | 25.9 | 2.5 |
| 17 | Orang yang tidak rasional menyakitkan hati saya. | 0.0 | 18.5 | 18.5 | 63.0 | 3.4 |
| 20 | Saya suka sesuatu yang sistematik. | 0.0 | 18.5 | 37.0 | 44.4 | 3.3 |
| 29 | Saya berasa ilmu Hisab adalah senang. | 25.9 | 18.5 | 44.4 | 11.1 | 2.4 |
| 32 | Saya suka berfikir sesuata masalah bersama kesannya dengan menyeluruh. | 3.7 | 14.8 | 44.4 | 37.0 | 3.1 |
| 40 | Saya mengingati numbor telefon dengan mudah. | 18.5 | 18.5 | 51.9 | 11.1 | 2.6 |
| 49 | Saya tidak menggunakan tangan apabila menghitung. | 29.6 | 25.9 | 18.5 | 25.9 | 2.4 |
| 54 | Saya suka matapelajaran Matematik. | 11.1 | 18.5 | 18.5 | 51.9 | 3.1 |

Berdasarkan Jadual 11, didapati taburan min bagi aras kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.4 hingga 3.6. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 29.6%. Taburan peratus

responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 11.1% hingga 70.4%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.92.

Jadual 12 Analisis Aras Kecerdasan Logik-Matematik selepas mengikuti pembelajaran secara Koperatif

| Item | Pernyataan | Selepas | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 5 | Saya menguruskan kewangan dengan mudah. | 0.0 | 11.1 | 51.9 | 37.0 | 3.3 | |
| 10 | Saya suka perkara yang jelas. | 0.0 | 7.4 | 18.5 | 74.1 | 3.7 | |
| 11 | Saya suka permainan teka-teki yang logik. | 11.1 | 25.9 | 33.3 | 29.6 | 2.8 | |
| 17 | Orang yang tidak rasional menyakitkan hati saya. | 7.4 | 33.3 | 37.0 | 22.2 | 2.7 | |
| 20 | Saya suka sesuatu yang sistematik. | 0.0 | 3.7 | 55.6 | 40.7 | 3.4 | |
| 29 | Saya berasa ilmu Hisab adalah senang. | 7.4 | 55.6 | 37.0 | 0.0 | 2.3 | |
| 32 | Saya suka berfikir sesuatau masalah bersama kesannya dengan menyeluruh. | 0.0 | 18.5 | 48.1 | 33.3 | 3.1 | |
| 40 | Saya mengingati numbor telefon dengan mudah. | 3.7 | 44.4 | 40.7 | 11.1 | 2.6 | |
| 49 | Saya tidak menggunakan tangan apabila menghitung. | 29.6 | 25.9 | 11.1 | 33.3 | 2.5 | |
| 54 | Saya suka matapelajaran Matematik. | 7.4 | 18.5 | 25.9 | 48.1 | 3.1 | |

Berdasarkan Jadual 12, didapati taburan min bagi aras kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 2.5 hingga 3.7. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada pada 0.0% hingga 29.6%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 74.1%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan Logik-Matematik yang telah dikuasai oleh responden selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.95.

7.5 Analisis aras Kecerdasan Muzik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

Data mengenai aras kecerdasan Muzik yang telah dikuasai oleh responden sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran koperatif adalah ditunjukkan dalam Jadual 10 dan Jadual 13.

Jadual 13 Analisis aras Kecerdasan Muzik sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Kecerdasan Muzik Pernyataan | Sebelum | | | | Min | |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|--|
| | | Peratusan | | | | | |
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | | |
| 2 | Saya boleh memainkan alat muzik. | 51.9 | 22.2 | 22.2 | 3.7 | 1.8 | |
| 4 | Saya selalu mempunyai idea tentang muzik. | 3.7 | 14.8 | 25.9 | 55.6 | 3.3 | |
| 13 | Muzik adalah penting untuk saya. | 3.7 | 3.7 | 29.6 | 63.0 | 3.5 | |
| 18 | Muzik yang saya ciptakan adalah bergantung kepada emosi saya. | 3.7 | 7.4 | 37.0 | 51.9 | 3.4 | |
| 25 | Saya suka pelbagai jenis muzik. | 3.7 | 18.5 | 25.9 | 51.9 | 3.3 | |
| 30 | Saya dapat mengenalpasti suara dengan tepat. | 7.4 | 25.9 | 48.1 | 18.5 | 2.8 | |
| 39 | Saya mempunyai latar belakang muzik. | 3.7 | 3.7 | 48.1 | 44.4 | 3.3 | |
| 51 | Saya suka kelas muzik. | 22.2 | 25.9 | 25.9 | 25.9 | 2.6 | |
| 64 | Saya berimpian menjadi seorang ahli Muzik. | 44.4 | 22.2 | 25.9 | 7.4 | 2.0 | |
| 66 | Saya berasa gembira apabila bernyanyi. | 0.0 | 22.2 | 29.6 | 48.1 | 3.3 | |

Berdasarkan Jadual 13, didapati taburan min bagi aras kecerdasan Muzik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif berada antara julat 1.8 hingga 3.4. Taburan peratus responden yang amat tidak setuju bagi setiap item berada antara julat 0.0% hingga 51.9%. Taburan peratus responden yang amat setuju bagi setiap item berada antara julat 3.7% hingga 63.0%. Min keseluruhan bagi aras kecerdasan Muzik yang telah dikuasai oleh responden sebelum mengikuti pembelajaran secara koperatif adalah 2.93.

Jadual 14 Analisis aras Kecerdasan Muzik selepas mengikuti pembelajaran secara koperatif

| Item | Kecerdasan Muzik Kenyataan | Selepas | | | | Min |
|------|---|-----------|------|------|------|-----|
| | | Peratusan | 1 | 2 | 3 | |
| | | | 4 | | | |
| 2 | Saya boleh memainkan alat muzik. | 44.4 | 29.6 | 18.5 | 7.4 | 1.8 |
| 4 | Saya selalu mempunyai idea tentang muzik. | 3.7 | 11.1 | 37.0 | 48.1 | 3.3 |
| 13 | Muzik adalah penting untuk saya. | 7.4 | 14.8 | 44.4 | 33.3 | 3.0 |
| 18 | Muzik yang saya ciptakan adalah bergantung kepada emosi saya. | 0.0 | 14.8 | 25.9 | 59.3 | 3.4 |
| 25 | Saya suka pelbagai jenis muzik. | 11.1 | 29.6 | 29.6 | 29.6 | 2.8 |
| 30 | Saya dapat mengenalpasti suara dengan tepat. | 3.7 | 29.6 | 55.6 | 11.1 | 2.7 |
| 39 | Saya mempunyai latar belakang muzik. | 3.7 | 25.9 | 29.6 | 40.7 | 3.1 |
| 51 | Saya suka kelas muzik. | 25.9 | 14.8 | 29.6 | 29.6 | 2.6 |
| 64 | Saya berimpian menjadi seorang ahli Muzik. | 37.0 | 37.0 | 22.2 | 3.7 | 1.9 |

| | | | | | | |
|----|--|------|-----|------|------|-----|
| 66 | Saya berasa gembira apabila bernyanyi. | 11.1 | 7.4 | 33.3 | 48.1 | 3.2 |
|----|--|------|-----|------|------|-----|

